

**Program Menjana Kecermelangan Akademik Pelajar  
(MeKAP 4)**

\*\*\*\*\*

**Teks Ucapan**

***Y.Bhg. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN***

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 14 Jun 2008, di Dewan Kolej Kediaman Kampung Wai,  
Kuala Perlis, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahan Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera.

Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Ali Yeon Md Shakaff ( Timbalan  
Naib Canselor Akademik & Antarabangsa)

Yang Berbahagia Dr. Zul Azhar Zahid Jamal (Timbalan Naib  
Canselor Penyelidikan & Inovasi),

Yang Berbahagia, Tuan Haji Rusli Abd. Hamid, Pendaftar

Yang Berusaha, En. Mohd. Najmuddin B. Mohd. Hassan,  
Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,

Yang Berusaha, En. Mohd. Mustafa Al-Bakri B. Abdullah,  
Timbalan Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,

**Yang Berusaha,**  
**Tuan Pengetua Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra**

Pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,  
serta para pendidik Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra

Yang dihormati barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar  
Sidang Akademik 2007/2008

Yang diraikan barisan peserta program Menjana  
Kecemerlangan Akademik Pelajar (MeKAP 4), Sek. Men. Sains  
Tuanku Syed Putra.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur  
kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana hanya dengan  
limpah kurnia dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama pada  
malam ini dalam Majlis Perasmian Program Menjana  
Kecemerlangan Akademik Pelajar (MeKAP 4), Sek. Men. Sains  
Tuanku Syed Putra bagi tahun 2008. Marilah kita bersama-  
sama juga berdoa agar Allah Subhanahuwataala memberkati  
usaha kita ini dan melindungi kita semua daripada apa jua  
kesulitan dan kekurangan.

Program ini akan dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis dengan  
kerjasama pihak Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putra

#### **Tarikh & Tempat Pelaksanaan**

Program ini akan diadakan pada 13 hingga 15 Jun 2008 bertempat di  
sekitar premis Universiti Malaysia Perlis

## **Penglibatan Pelajar UniMAP**

Seramai 40 orang pelajar yang menghadiri Bengkel Asas Fasilitator akan dipilih untuk mengendalikan sesi Latihan Dalam Kumpulan. Pelajar sekolah tersebut yang akan terlibat ialah seramai 120 orang.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada para peserta program yang ada di dalam dewan ini. Sesungguhnya usaha pihak UniMAP menjadi penganjur program ini adalah sebahagian usaha murni untuk menemukan kita semua khususnya dalam bidang akademik untuk sama-sama menimba ilmu pengetahuan serta berbincang berkenaan masalah semasa yang dihadapi di samping berkongsi pengalaman bersama dengan para fasilitator yang mana mereka juga pernah melalui zaman seperti anak-anak semua.

Saya difahamkan bahawa anak-anak didik sekalian merupakan pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik mahupun kokurikulum dan telah menjadi kebanggaan pihak sekolah. Jadi, saya berharap agar anak-anak didik semua dapat melipat gandakan lagi usaha untuk mengekalkan kecemerlangan yang telah dicipta semasa Peperiksaan Menengah Rendah yang lalu. Saya berharap dengan berbekalkan semangat yang ada tidak akan mematahkan usaha untuk berjuang demi menggapai impian diri sendiri dan keluarga.

Dengan itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan program Menjana Kecemerlangan Akademik Pelajar (MeKAP 4), Sek. Men. Sains Tuanku Syed Putra bagi tahun 2008. Semoga ia membawa kepada kejayaan yang cemerlang dalam merealisasikan impian sekolah seterusnya mendidik anak-anak supaya mencapai kejayaan kelak.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf, individu dan sesiapa sahaja yang terlibat dalam menjayakan program MeKAP 4 ini. Semoga usaha murni ini berterusan bagi melahirkan golongan cendekiawan yang bakal menjadi pemimpin negara.

Wasallam.